

UMS lepas lebih 4,000 benih udang ke Sg Petagas

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 24.04.2012 A2

PUTATAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) kelmarin melepaskan lebih 4,000 benih udang ke Sungai Petagas, di sini.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata usaha itu adalah projek pertama Penambahbaikan Stok Perikanan di Sabah untuk Masyarakat Setempat.

Katanya, banyak lagi projek lain bakal dilaksanakan di kawasan terbabit, termasuk melibatkan spesis marin lain seperti ikan.

“UMS juga akan terus menyumbang lebih banyak benih untuk menyokong pelepasan jenis rekrut.

“Saintis akuakultur UMS telah menjalankan ujian kesesuaian persekitaran dan mendapatkan maklumat berkaitan daripada Komuniti 1Malaysia Putatan sebelum melepaskan benih udang air tawar ini,” katanya.

Katanya, UMS sentiasa berusaha menggunakan pengetahuan saintifik ahli akademik mereka untuk manfaat masyarakat dan pembangunan lestari.

Beliau berkata, saintis UMS akan memberi penerangan kepada komuniti tempatan tentang strategi pelepasan terbaik yang perlu untuk kadar hidup tinggi benih udang.

Jelasnya, anak udang yang dilepaskan kelmarin dihasilkan di Hatceri Kajian Udang UMS di IPMB.

Anak-anak udang telah dikuarantinkan dan merupakan udang-udang sihat. UMS berharap udang ini berdaya tahan dengan alam sekitar,” katanya di pelancaran Fasa 1 Rancing Udang Galah di Sungai Petagas, di Dewan Muhibbah, kelmarin.

Menjelaskan tentang benih udang galah terbabit, katanya spesis udang yang dipilih adalah tergolong dalam asas genetik luas dari induk tempatan dan bukannya eksotik.

Tambahnya, anak udang terbabit telah melalui fasa air masin dan kini berada dalam fasa air tawar.

“Spesies ini dipilih kerana hanya makan pada tahap rendah dalam rantai makanan, sekali gus tidak berinteraksi secara negatif dengan fauna akuatik atau mengganggu keseimbangan ekosistem,” katanya.

Mengenai hatceri udang pula, katanya, pusat itu baru beroperasi dan merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9).

“Ini merupakan permulaan baik dan berharap projek akuakultur dapat menggunakan kaedah saintifik untuk memberi manfaat kepada orang ramai,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya sentiasa bersedia menerima cadangan dan maklumbalas daripada komuniti setempat bagi memastikan kejayaan projek.

Kamaruzaman berkata, pentingnya projek terbabit adalah bagi mengatasi tekanan terhadap sumber akuatik yang semakin ketara.

Katanya, perubahan alam sekitar menjadikan keadaan semakin serius dan golongan nelayan menerima kesan paling besar dari keadaan itu,

“Justeru, projek ini diharap dapat meningkatkan sumber marin dan pada masa yang sama dapat mendidik masyarakat agar menyedari kepentingan ekosistem yang seimbang.

“Kami juga berharap pencemaran sungai dapat dikawal kerana bukan sahaja memberi kesan kepada hidupan akuatik di sungai, tetapi juga di laut,” katanya.

Projek Penambahbaikan Stok Perikanan Di Sabah untuk Masyarakat Setempat ini turut mendapat kerjasama daripada Pejabat Daerah Putatan, Jabatan Perikanan Sabah dan Komuniti 1Malaysia Putatan.